


PENGENALAN

Majlis Optik Malaysia (MOC) telah ditubuhkan pada 1 Februari 1992. MOC bertanggungjawab mendaftarkan optometris dan juruoptik, memantau perkhidmatan dan amalan optometri dan juga membuat penilaian serta pengiktirafan terhadap Program Optometri dan Opticianri yang dikendalikan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia.


AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PENDAFTARAN PENUH DAN PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN (APC) JURUOPTIK DAN OPTOMETRIS

Jawatankuasa Penilaian MOC bertanggungjawab dalam perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan persijilan. Rajah 1 menunjukkan peningkatan bilangan optometris dan juruoptik yang berdaftar dengan MOC setiap tahun. Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 5 kali sepanjang tahun 2019. Rajah 2 menunjukkan bilangan sijil APC 2019 yang dikeluarkan. Peruntukan di bawah seksyen 32 Akta Optik 1991, Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) Juruoptik Dan Optometris dikeluarkan kepada juruoptik dan optometris berdaftar yang ingin berkhidmat di Malaysia.



Sumber: Laporan Aktiviti MOC 2019, Mesyuarat MOC ke-76



Sumber: Laporan Aktiviti MOC 2019, Unit Pendaftaran dan APC MOC

KEBENARAN MEMPRESKRIPSI DAN MENDISPENS KANTA LEKAP

Kebenaran Mempreskripsi Dan Mendispens Kanta Lekap (Permit Kanta Lekap), adalah sijil yang dikeluarkan kepada juruoptik berdaftar yang telah lulus Peperiksaan Kanta Lekap yang dianjurkan oleh MOC. Pada tahun 2019, seramai 3 orang juruoptik berdaftar telah lulus kedua-dua peperiksaan teori dan amali. Jumlah juruoptik berdaftar yang dibenarkan menjalankan amalan kanta lekap sehingga tahun 2019 adalah seramai 580 orang.

PENILAIAN DAN PEMANTAUAN AKREDITASI PROGRAM OPTOMETRI DAN OPTICIANRI DI MALAYSIA

Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan (JTC) MOC yang bertanggungjawab dalam menilai dan memantau program optometri dan opticianri yang dijalankan oleh pemberi pendidikan tinggi di Malaysia bagi memastikan program yang dijalankan menepati standard yang telah ditetapkan oleh *Malaysian Qualification Agency* (MQA)-MOC. JTC telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2019.

Tiga (3) sesi penilaian pemantauan dan satu penilaian akreditasi penuh program telah diadakan sepanjang tahun 2019. Latihan kepada panel penilai telah diadakan pada 15 hingga 17 April 2019 di Hotel Corus Paradise, Port Dickson bagi memastikan semua panel penilai mempunyai kredibiliti yang tinggi menjalankan penilaian akreditasi terhadap pemberi pendidikan tinggi (PPT). Senarai pemberi pendidikan tinggi yang menawarkan program optometri/opticianri di Malaysia yang diiktiraf boleh dirujuk di laman web MOC, <http://www.moc.moh.gov.my>.

ETIKA DAN ADUAN

Jawatankuasa Aduan Terhadap Pengamal Optometri pada tahun 2020 telah menyelesaikan 8 aduan yang diterima terhadap pengamal berdaftar. Daripada 72 aduan yang diterima pada tahun 2019, 40 aduan adalah berkaitan pengamal tidak berdaftar, 8 aduan berkaitan penjualan kanta lekap di premis bukan optikal dan 6 aduan berkenaan penjualan ubat mata yang boleh merawat penyakit mata. Pemantauan berkala dijalankan bagi memastikan perkhidmatan optometri yang selamat dan berkualiti diberikan kepada masyarakat.

CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)

MOC telah menerima sebanyak 155 permohonan mata CPD daripada penganjur program iaitu 86 permohonan manual dan 69 permohonan melalui sistem myCPD. Sehingga kini, seramai 1436 orang pengamal telah berdaftar dalam sistem myCPD. Satu sesi bersama pengamal di negeri Sabah telah diadakan pada 15 November 2019 untuk memberi penerangan berkenaan sistem myCPD.

OBJEKTIF KUALITI

Dua (2) objektif kualiti yang telah ditetapkan telah tercapai bagi tahun 2019 iaitu :

1. 98 peratus APC dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh penerimaan permohonan yang lengkap – 99.52 peratus tercapai
2. 90 peratus surat menyurat berkaitan akreditasi program yang tidak melibatkan pihak ketiga dikeluarkan kepada MQA dalam masa dua (2) minggu selepas Mesyuarat JTC – 100 peratus tercapai

KESIMPULAN

MOC sentiasa berusaha untuk mengawalselia profesion optometri dan melindungi kesihatan penglihatan rakyat Malaysia dengan memastikan penjagaan mata yang berkualiti diberi oleh pengamal optometri di Malaysia.